

# PELAN STRATEGIK

2009-2014

Majlis Daerah Beaufort



# KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Kandungan	
Kata-kata Aluan	1
<b>Bab I - PENDAHULUAN</b>	
Ringkasan Eksekutif	2
Pengenalan dan Latar Belakang Agensi	3
Carta Organisasi	4
Fungsi dan Peranan Agensi	5 - 8
Punca Kuasa	9
Stakeholders dan Pelanggan	10
<b>Bab II - SENARIO PERSEKITARAN</b>	
Isu-isu/ Cabaran-cabaran kritikal	11
<b>Bab III - HALA TUJU STRATEGIK</b>	
Visi dan Misi	12
Moto/Slogan	12
Nilai Bersama	13
Objektif Strategik	14
Pelan Tindakan	15 - 22
Peta Strategi	23 - 24
Elemen Penentu Kejayaan	25
Mekanisme Pelaksanaan	26 - 27
<i>The Way Forward</i>	28
<b>Bab IV - PENUTUP</b>	29

# KATA-KATA ALUAN PENGERUSI

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua Majlis Daerah Beaufort dapat merangka Pelan Strategik Majlis Daerah Beaufort 2009 ini. Dalam usaha menjadikan Beaufort sebagai sebuah pekan terunggul, Majlis Daerah Beaufort telah menggariskan visi yang lebih jelas sehingga tahun 2014 iaitu “Menjadikan Majlis Daerah Beaufort sebuah pihak berkuasa tempatan yang maju dan sejahtera menjelang 2014”.

Justeru, Pelan Strategik 2009 ini amat kritikal dalam menentu arah dan memastikan kelancaran perjalanan Visi 2014. InsyaAllah, dengan adanya Pelan Strategik yang jelas akan dapat memberikan kefahaman dan panduan kepada seluruh warga Beaufort dalam menyampaikan perkhidmatan ke arah wawasan yang ditujui.

Pelan Strategik ini tidak mungkin dapat dijayakan tanpa adanya sokongan dan kerjasama daripada semua pihak berkepentingan. Sehubungan itu, Majlis Daerah Beaufort amat berharap dan menghargai segala sumbangan, khususnya daripada Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan selaku pemegang amanah, rakan-rakan kongsi serta para pelanggan kami dalam menjayakan Pelan Strategik ini.

Semoga segala apa yang dirancang dan dilaksanakan ini memperolehi keberkatan dan keizinan Allah s.w.t, agar ianya dapat memberikan manfaat dan kesejahteraan kepada seluruh warga Beaufort dan pengunjungnya. Beaufort merupakan daerah yang terkenal dan sinonim dengan banjir Sungai Padas, aktiviti raffting, berakit, kunang-kunang dan monyel belanda.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH”**

**MOHD SIDEK @ DICK AFFENDIE ABD JUBAR**

# **BAB I: PENDAHULUAN**

## ***SEKAPUR SIREH*** **PEGAWAI EKSEKUTIF**

Saya selaku Pegawai Eksekutif Majlis Daerah Beaufort ingin mengambil kesempatan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada ahli-ahli jawatankuasa perancangan strategik dalam menyediakan dokumen Pelan Strategik Majlis Daerah Beaufort tahun 2009-2014.

Pelan Strategik ini digarap berdasarkan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan awam yang diberikan oleh Majlis Daerah Beaufort. Pelan Strategik ini akan dijadikan bahan rujukan utama dan panduan setiap warga kerja dalam melaksanakan tugas serta pemantauannya akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik ini adalah bergantung penuh kepada komitmen daripada seluruh warga kerja sama ada dari peringkat pengurusan atasan, pengurusan pertengahan dan kumpulan sokongan. Diharap agar warga kerja dapat menghayati dan memberi sokongan bagi merealisasikan Pelan Strategik ini sehingga mencapai tahun 2014.

Sekian, terima kasih.

**ABD SAID BIN OMBOK**

# LATAR BELAKANG

## PENGENALAN

**Majlis Daerah Beaufort** merupakan salah sebuah daripada 21 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang ada di negeri Sabah. Penubuhan Majlis Daerah Beaufort bermula pada 01 Januari, 1958 di bawah 'Municipal and Urban Authorities Ordinance, 1954' dan ketika itu dikenali sebagai Lembaga Daerah Beaufort yang dipengerusikan oleh seorang Pegawai yang bukan daripada Perkhidmatan Awam dan aktiviti-aktivitinya ditumpukan dalam kawasan pekan sahaja.

Memandangkan perkembangan pembangunan yang berlaku ketika itu menyebabkan struktur organisasi yang ada tidak dapat menampung beban kerja yang semakin bertambah dan permintaan untuk perkhidmatan yang lebih cekap oleh masyarakat setempat semakin bertambah, Lembaga Daerah Beaufort kemudiannya telah disusun semula mengikut Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 dan diberi pengiktirafan sebagai Majlis Daerah Beaufort di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 pada 01 Januari, 1962. Ordinan ini membolehkan penyatuan kuasa, tugas dan tanggungjawab dibuat secara terperinci dan ditetapkan di dalam satu Undang-undang yang boleh digunakan untuk semua peringkat PBT negeri Sabah.

Pusat pentadbiran Majlis Daerah Beaufort sejak diwujudkan hinggalah pada tahun 1971 adalah terletak di Bangunan Pejabat Resident iaitu bangunan lama Pejabat Daerah Beaufort. Pada tahun 1972 hingga tahun 1975 Majlis Daerah Beaufort beroperasi di bangunan baru Pejabat Urusetia Beaufort. Pada tahun 1976 hingga Februari, 1992 Majlis Daerah Beaufort berpindah ke bangunan Dewan Pa' Musa Beaufort dan hanya berjaya pindah tetap ke Bangunan Pejabat Majlis Daerah sendiri pada bulan Mac, 1992.

Kawasan bidang kuasa Majlis Daerah Beaufort adalah meliputi keseluruhan Daerah Beaufort dengan keluasan 1,735 Km Persegi yang mana mempunyai sebuah pekan utama iaitu pekan Beaufort dan Lapan buah pekan kecil yang lain iaitu Membakut, Weston, Kota Klias, Gadong, Padas Damit, Limbawang, Bukau dan Lingkungan.


# CARTA ORGANISASI

Majlis Daerah Beaufort dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Beaufort dan barisan seramai 20 orang Ahli-ahli Majlis Daerah yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Sabah yang mana bertanggungjawab keatas penggubalan dasar serta membuat keputusan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar-dasar Majlis Daerah Beaufort. Dalam hal-hal yang berkaitan dengan pelaksanaan dasar dan pentadbiran diketuai oleh Pegawai Eksekutif dengan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Eksekutif dan Lima orang Ketua Bahagian.


(Rajah 1: Carta Organisasi Majlis Daerah Beaufort)

## CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH BEAUFORT

Rajah 1



Petunjuk:-

 Bahagian-bahagian yang terdapat di Majlis Daerah Beaufort.

# FUNGSI DAN PERANAN

(Nyatakan peranan agensi dan carta fungsi)

## Objektif & Fungsi Bahagian

### Bahagian Pentadbiran

#### Objektif

Mentadbir Majlis dengan mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan kecekapan di kalangan pegawai dan kakitangan dengan mewujudkan sistem pengawasan yang akan menyelaraskan semua dasar-dasar kerajaan demi merialisasikan aspirasi mesyarakat.

#### Fungsi

- Pentadbiran
- Urusetia Jawatankuasa
- Perhubungan Awam
- Pengurusan Personal dan Perkhidmatan
- Setor dan Alatulis
- Latihan
- Kajian, pengubalan dan pindaan undang-undang.
- Perlesenan
- Kontrak dan Perjanjian

### Bahagian Kewangan

#### Objektif

Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan akaun yang sistematik dan memastikan sistem kewangan dan akaun Majlis selaras dengan Ordinan Kerajaan Tempatan, 1961 serta Arahan Kewangan Kuasa-kuasa Tempatan.

#### Fungsi dan Perkhidmatan / Aktiviti.

1. Melaksanakan pengurusan dan pentadbiran kewangan mengikut peraturan dan prosedur Arahan Kewangan Kuasa-kuasa Tempatan.
  - 1.1 Penyediaan Belanjawan Tahunan.
  - 1.2 Pengawasan Peruntukan dan Pengurusan Penyata Penyesuaian.
  - 1.3 Penilaian hartabenda.
  - 1.4 Penilaian semula hartabenda.
  - 1.5 Menyelanggara Rekod Pemegang Harta.
  - 1.6 Bantahan dan remisi.
2. Melaksanakan pengutipan pelbagai hasil Majlis.
  - 2.1 Kutipan bayaran Cukai Pintu.
  - 2.2 Kutipan bayaran Ses Tanah.
  - 2.3 Kutipan bayaran Lesen.
  - 2.4 Kutipan bayaran Pelan.
  - 2.5 Kutipan bayaran Iklan.
  - 2.6 Lain-lain bayaran kepada Majlis.
  - 2.7 Penyediaan dan Pengeluaran Notis Taksiran.

3. Melaksanakan pelbagai pembayaran, gaji kakitangan, perbelanjaan pengurusan dan pembangunan.
  - 3.1 Bayaran Gaji dan Elaun.
  - 3.2 Bayaran bil-bil.
  - 3.3 Bayaran perbelanjaan operasi.
4. Perakaunan.
  - 4.1 Menyelenggara rekod perakaunan.
  - 4.2 Penyediaan Penyata Hasil Bulanan / Tahunan.

## **Bahagian Kejuruteraan**

### Objektif

Memastikan pengurusan aktiviti-aktiviti pembangunan infrastruktur dan perkhidmatan awam mengikut perancangan yang teratur.

### Fungsi dan Perkhidmatan / Aktiviti.

1. Penyelarasan dan pengawalan pembangunan dalam kawasan Majlis.
  - 1.1 Proses kelulusan Pelan Pembangunan.
  - 1.2 Proses kelulusan Pelan Bangunan.
  - 1.3 Proses kelulusan Penukaran Zon.
  - 1.4 Proses kelulusan Pelan Pengubahsuaian Bangunan.
  - 1.5 Proses kelulusan Pelan infrastruktur / kemudahan awam (Perparitan, Jalanraya, Sistem Pembentungan Najis, Landskap, Lampu Jeraya dan Kerja Tanah)
  - 1.6 Pengeluaran Sijil Menghuni (O.C.)
  - 1.7 Proses kelulusan Pelan Pembahagian Tanah.
2. Penyelarasan dan perancangan projek pembangunan Majlis.
  - 2.1 Pembangunan landskap bagi kawasan baru.
  - 2.2 Projek pembangunan baru.
  - 2.3 Mengurus pemanggilan tender / sebutharga Majlis.
  - 2.4 Penyediaan dokumen tender / sebutharga.
  - 2.5 Analisa tender / sebutharga.
  - 2.6 Mengurus pendaftaran kontraktor.
  - 2.7 Penyeliaan pelaksanaan projek-projek.
3. Perkhidmatan penyelenggaraan kemudahan awam.
  - 3.1 Menyelaras pembaikan dan penyelenggaraan sistem pembentungan najis Majlis.
  - 3.2 Menyelaras pembaikan dan penyelenggaraan jalanraya Majlis.
  - 3.3 Menyelaras pembaikan dan penyelenggaraan lampu jeraya.
  - 3.4 Menyelaras pembaikan dan penyelenggaraan sistem perparitan.
  - 3.5 Menyelaras pembaikan dan penyelenggaraan kawasan lapang.



4. Penyeliaan harta benda Majlis
  - 4.1 Pembaikan kerosakan bangunan-bangunan Majlis.
  - 4.2 Pemeriksaan berjadual ke atas bangunan-bangunan Majlis.
5. Pengurusan mesyuarat.
  - 5.1 Urusetia mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar dan Pelan Bangunan Majlis.
  - 5.2 Urusetia mesyuarat Jawatankuasa Lalulintas, Tempat letak kereta dan Lampu Jeraya.
  - 5.3 Urusetia mesyuarat Lembaga Tawaran.

## **Bahagian Merinyu dan Kesihatan**

### Objektif

Memastikan keadaan pekan-pekan dan premis-premis perniagaan sentiasa dalam keadaan bersih dan indah dan aktiviti-aktiviti perniagaan dijalankan dengan sihat serta berdasarkan Undang-undang Kecil dan peraturan kawalan yang dikuatkuasakan.

### Fungsi dan Perkhidmatan / Aktiviti.

1. Bertanggung jawab ke atas pembersihan dan pengindahan halaman.
  - Pembersihan lorong-lorong dan tempat awam.
  - Mengumpul, mengangkut dan melupuskan sampah sarap.
  - Memotong rumput dan pembersihan parit.
  - Penyelenggaraan tapak semaian.
  - Penanaman pokok kayu dan bunga.
  - Penyelenggaraan pokok kayu dan bunga
2. Bertanggung jawab ke atas perkhidmatan kesihatan.
  - Kawalan mutu makanan dan kebersihan premis.
  - Kawalan vektor dan vermin.
  - Perkhidmatan pembersihan Tandas Awam.
3. Bertanggung jawab ke atas perkhidmatan bengkel.
  - Menyelaras penggunaan mesin dan kenderaan.
  - Pembaikan kerosakan mesin-mesin dan kenderaan-kenderaan Majlis.
  - Kerja-kerja ketukangan.

## **Bahagian Penguatkuasa**

### Objektif

Memastikan pelaksanaan tugas-tugas penguatkuasaan Undang-undang Kecil dan semua peraturan yang diterimapakai oleh Majlis Daerah Beaufort dapat dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak.

### Fungsi dan Perkhidmatan / Aktiviti

1. Penguatkuasaan semua Undang-undang Kecil Majlis.
  - Kawalan ke atas penjaja haram.
  - Kawalan pengiklanan.
  - Kawalan penjaja tamu.
  - Kawalan kebersihan pasar.
  - Kawalan lalulintas dan letak kereta.
  - Penyiasatan aduan.
  
2. Penguatkuasaan 'Building By-Law 1951'.  
Kawalan pembangunan haram (setinggalan) dan penambahan haram bangunan.
  
3. Penguatkuasaan Dog Ordinance, 1960 (No. 24 of 1960)  
Pelaksanaan pemusnahan Anjing liar.
  
4. Menyelaras Penguatkuasaan semua undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh Majlis.

## PUNCA KUASA


**Ordinan dan Undang-undang Kecil yang digunakan dalam usaha agensi melaksanakan fungsi dan peranan adalah seperti berikut :-**

<b>Bil.</b>	<b>Nama Undang-undang / Ordinan</b>
1.	Local Government Ordinance, 1961
2.	Public Helth Ordinance, 1960
3.	Beaufort District Council Instrument 1961 (G.N.S 161/1961)
4.	The Building By-Laws 1951 (G.N.S 55/1965)
5.	Beaufort District Council (Tamu) By-Laws 1959 (G.N.S 47/1959)
6.	Beaufort District Council (Dealing and Scrap) By-Laws 1964 (G.N.L 3/1965)
7.	Beaufort District Council (Laundries) By-Laws 1964 (G.N.L 4/1965)
8.	Beaufort District Council (Dairies and Dairymen) By-Laws 1964 (G.N.L 6/1965)
9.	Beaufort District Council (Offensive Trades) By-Laws 1964 (G.N.L 7/1965)
10.	Beaufort District Council (Advertisement) By-Laws 1964 (G.N.L 11/1965)
11.	Beaufort District Council (Food and Eating Premises) By-Laws 1964 (G.N.L 12/1965)
12.	Beaufort District Council (Hairdressers) By-Laws 1964 (G.N.L 13/1965)
13.	Beaufort District Council (Hawkers) By-Laws 1964 (G.N.L 14/1965)
14.	Beaufort District Council (Hotels and Lodging Houses) By-Laws 1964 (G.N.L 15/1965)
15.	Beaufort District Council (Markets) By-Laws 1964 (G.N.L 16/1965)
16.	Beaufort District Council (Streets and Public Places) By-Laws 1964 (G.N.L 17/1965)
17.	Beaufort District Council (Liquors) By-Laws 1967 (G.N.L 12/1967)
18.	Beaufort District Council (Registration and Control Of Dogs) By-Laws 1981 (G.N.L 40/1981)
19.	Beaufort District Council (Conservancy and Hygiene) By-Laws 1984 (G.N.L 19/1984)
20.	Dog Ordinance 1960 (No. 24 Of 1960)

# STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN

## **STAKEHOLDERS**

- Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan
- Wakil Rakyat ADUN dan Parlimen
- SUT



## **PELANGGAN**

- Penduduk
- Pelawat/Pelancong
- Agensi Kerajaan
- Swasta
- Pemilik Kediaman/Premis Perniagaan
- NGO
- Komuniti Perniagaan

## **BAB II : SENARIO PERSEKITARAN**

### **ISU/ISU DAN CABARAN-CABARAN KRITIKAL**

Bagi mewujudkan sebuah organisasi yang gemilang, cabaran utama Majlis Daerah Beaufort adalah memastikan semua warga kerja dapat melaksanakan segala fungsi-fungsi dan strategi-strategi dengan cemerlang. Dalam hal ini, perubahan persekitaran yang didorong faktor-faktor luaran dan dalaman yang dikenal pasti dan perlu ditangani adalah seperti berikut:-

#### **Peluang Meningkatkan Ekonomi**

Kedudukan Daerah Beaufort yang strategik selaku penghubung antara Daerah seperti Daerah Kuala Penyu dan Sipitang keadaan ini menjadi Daerah Beaufort sebagai pusat tumpuan ekonomi. Selain itu Daerah Beaufort juga merupakan laluan daripada negara luar seperti Brunei. Dengan adanya peluang seperti ini secara tidak langsung Daerah Beaufort dapat membangunkan sektor pendidikan, perindustrian, perkhidmatan dan pelancongan kearah mewujudkan warga Beaufort yang sejahtera.

#### **Pembangunan Industri Pelancongan**

Daerah Beaufort memiliki sumber hasil semulajadi yang boleh dieksploitasikan sebagai produk pelancongan hutan simpan paya bakau yang bertaraf antrabangsa. Dalam hutan simpan di Beaufort terdapat spesies monyet Probosis atau dikenali monyet Belanda yang hanya terdapat di kepulauan Borneo sahaja. Tarikan ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan daripada warga Beaufort serta memikat para pelabur untuk membuat pelaburan yang mana taraf hidup masyarakat setempat dapat ditingkatkan.

#### **Jalanan Kerjasama**

Jalanan kerjasama antara Majlis dan masyarakat dapat dipupuk dengan merancang satu program permuafakatan. Tindakan ini bertujuan untuk menangkis pandangan negatif masyarakat kepada Majlis secara amnya dan seterusnya memupuk kesedaran dan hubungan yang erat demi kerharmonian dan kesejahteraan bersama.

#### **Tadbir Urus Organisasi**

Pindaan dan penambahbaikan kepada Undang-undang Kecil sedia ada adalah perlu agar tindakan penguatkuasaan dapat ditangani dengan lebih efektif dan bersesuaian dengan keadaan semasa.

## **BAB III : HALA TUJU STRATEGIK**

### ***VISI***

Menjadikan Majlis Daerah Beaufort sebuah pihak berkuasa tempatan yang maju dan sejahtera menjelang 2014

### ***MISI***

Menyediakan tenaga kerja yang berkualiti, pengwujudan persekitaran yang bersih, kemudahan awam yang lengkap dan teratur serta pembangunan sosio-ekonomi yang lebih terancang.

### ***MOTTO***

**“Berkhidmat Untuk Masyarakat”**

# NILAI BERSAMA

## **KERJA BERPASUKAN**

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk memcapai visi dan misi organisasi

## **AKAUNTABILITI**

Mempunyai rasa tanggungjawab dan akauntabiliti di dalam segala tindakan dan kelakuan

## **BERDISIPLIN**

Sentiasa mengawal diri dan perilaku berlandaskan undang-undang, peraturan, prinsip dan nilai-nilai murni.  
Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan tekun dan taat tanpa penyeliaan yang rapi dan sentiasa menjaga imej diri, organisasi, perkhidmatan dan negara di kaca mata masyarakat

## **INTERGRITI**

Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur dan saksama. Berkhidmat dengan penuh komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh

# **OBJEKTIF STRATEGIK**

## **Majlis Daerah Beaufort**

Enam objektif strategik utama dikenal pasti bagi membantu warga kerja Majlis Daerah Beaufort melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan serta menangani cabaran-cabaran yang berbangkit dalam merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan.

### **Objektif Strategik 1**

Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis bagi memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan.

### **Objektif Strategik 2**

Memperkasakan tadbir urus Majlis dan pembudayaan nilai-nilai murni ke arah kecermerlangan organisasi.

### **Objektif Strategik 3**

Memperkuhkan dan memantapkan sumber hasil Majlis bagi merancang pembangunan dan pelaksanaan program.

### **Objektif Strategik 4**

Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti untuk mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian.

### **Objektif Strategik 5**

Memantapkan kolaborasi strategik bagi melicinkan pelaksanaan program.

### **Objektif Strategik 6**

Mempergiat pembangunan bandar dan desa serta pengukuhan sosio ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.



➤ **OBJEKTIF STRATEGI 1**

Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis bagi memantapkan keberkesanan system penyampaian perkhidmatan.

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Memantapkan keupayaan pembangunan organisasi	Memperkukuhkan struktur dan skim perkhidmatan organisasi  Memantapkan penghayatan budaya organisasi cemerlang	Penarafan dalam Star Rating PBT	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang menjelang 2012
Memantapkan pengurusan sumber manusia	Mewujudkan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia  Mempertingkatkan kompetensi pegawai  Memantapkan pengurusan prestasi	Tahap Kepuasan Pelanggan	Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 5% setiap tahun
Mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif	Mengoptimumkan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan  Mempertingkatkan jalinan hubungan antara pihak pengurusan dan pekerja  Meningkatkan kemudahan dan fasiliti pejabat	Tahap Kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan pekerja melebihi 5% setiap tahun

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 2**

Memperkasakan tadbir urus Majlis dan pembudayaan nilai-nilai kea rah kecemerlangan organisasi.

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Meningkatkan kecekapan pengurusan kawalan dalaman	Memperkuuhkan dan melaksanakan system pemantauan pengurusan  Mempertingkatkan penerapan dan penghayatan nilai-nilai murni  Mengoptimumkan kos operasi Majlis	Indeks Akauntabiliti (Audit Negara)  Prestasi perbelanjaan	Mendapat penarafan sekurang-kurangnya 4 bintang menjelang 2012  Mencapai perbelanjaan seimbang antara hasil dan perbelanjaan menjelang tahun 2014
Memantapkan system dan prosedur kerja	Menyemak pemakaian dan keberkesanan peraturan / undang-undang sedia ada  Merekayasa dan menambah baik system dan prosuder kerja.	Tahap Kepuasan Pelanggan	Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 5% setiap tahun
Mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan	Mewujudkan kod etika dan amalan terbaik penguatkuasaan  Melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara bersepadu  Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan anggota penguatkuasaan	Tahap Kepuasan Pekerja	Tahap kepuasan pekerja melebihi 5% setiap tahun

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 3**

Memperkukuhkan dan memantapkan sumber hasil Majlis bagi merancang pembangunan dan pelaksanaan program.

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Memantapkan keupayaan kutipan hasil	Mempelbagaikan kaedah kutipan dan saluran pembayaran hasil	Jumlah kutipan hasil	Jumlah kutipan hasil melebihi 2% dari anggaran setiap tahun
	Meningkatkan kecekapan system pemantauan kutipan hasil		
	Mempertingkatkan keberkesanan kutipan hasil tertunggak	Jumlah kutipan hasil tertunggak	Jumlah kutipan melebihi 80% dari jumlah keseluruhan hasil tertunggak menjelang tahun 2012
Mempelbagaikan sumber hasil	Memperkasa dan memperhebat kegiatan ekonomi dan pelaburan yang berimpak tinggi	Jumlah hasil dari sumber	Jumlah hasil meningkat sebanyak 5% setiap tahun
	Meningkatkan kemudahan dan peluang kegiatan sosio ekonomi bandar	Pertumbuhan ekonomi penduduk	Peningkatan pertumbuhan ekonomi penduduk sebanyak 5% setiap tahun
	Mewujudkan dan menggalakkan pembangunan kawasan penempatan Bandar		

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 4**

Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti untuk mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian.

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Mempertingkatkan kemudahan awam dan infrastuktur	Membangunkan Pelan Pembangunan Kemudahan Awam dan Infrastuktur yang komprehensif  Memperudahkan proses penyediaan kemudahan awam dan infrastruktur oleh jabatan/agensi kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan	Tahap kepuasan pelanggan	Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 5% setiap tahun
Mempertingkatkan kualiti perkhidmatan perbandaran	Memastikan pengawalseliaan terhadap syarikat konsesi  Mewujudkan Pusat Maklum Balas Komuniti dan Jawatankuasa Perhubungan Komuniti	Tahap kepuasan pelanggan  Aduan komuniti	Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 5% setiap tahun  80% aduan komuniti dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan setiap tahun

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 4** (*Sambungan*)

Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti untuk mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Mewujudkan persekitaran yang indah, bersih, selamat dan selesa	<p>Memastikan pelaksanaan projaek pembangunan selaras dengan kelulusan yang diberi</p> <p>Meningkatkan kesedaran dan menerapkan budaya kebersihan persekitaran</p> <p>Membangunkan Pelan Pembangunan Landskap</p> <p>Meningkatkan penghayatan dan kesedaran gaya hidup sihat</p> <p>Meningkatkan Kesedaran penjagaan alam sekitar</p>	Indeks kualiti hidup	Peningkatan indeks kualiti hidup sebanyak 5% setiap tahun
Memperkukuhkan pengurusan asset dan fasiliti awam	<p>Membangunkan Pelan Penyelenggaraan fasiliti Awam</p> <p>Mempertingkatkan Penggunaan Sistem Pengurusan Aset</p>	<p>Kos penyelenggaraan yang terlibat</p> <p>Jangka hayat aset dan kemudahan</p>	<p>Penurunan 50% kos penyelenggaraan</p> <p>Peningkatan 50% jangka hayat aset dan kemudahan</p>

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 5**

Memantapkan kolaborasi strategik bagi melicinkan pelaksanaan program

<b>STRATEGI</b>	<b>PELAN TINDAKAN</b>	<b>INDIKATOR</b>	<b>TAHUN SASARAN</b>
Memantapkan jaringan kerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan	<p>Mewujudkan mekanisme penyelenggaraan pelaksanaan dengan agensi Kerajaan, NGO's serta pihak swasta</p> <p>Mempertingkatkan perkongsian sumber, tanggungjawab dan kepakaran dengan PBT yang bersempadan</p>	<p>Tahap kepuasan pelanggan</p> <p>Bilangan kerjasama strategik</p>	<p>Peningkatan kepuasan pelanggan sebanyak 5% setiap tahun</p> <p>Peningkatan bilangan kerjasama strategik sebanyak 10% setiap tahun</p>
Memperkukuhkan jalinan dan penyertaan komuniti dalam aktiviti dan program majlis	Mempertingkatkan penglibatan komuniti dalam perancangan program majlis	Penyertaan komuniti	Peningkatan penglibatan komuniti dalam perancangan program/aktiviti sebanyak 10% setiap tahun
Memperkasa imej majlis	<p>Membangunkan Pelan Penjenamaan Semula Majlis</p> <p>Membangunkan Pelan Media</p> <p>Mempertingkatkan keberkesanan program promosi</p>	Persepsi Masyarakat	Peningkatan persepsi positif masyarakat sebanyak 5% setiap tahun

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 6**

Mempergiatkan pembangunan Bandar dan desa serta pengukuhan sosio ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Mempertingkatkan pembangunan-pembangunan hartanah di Daerah Bentong	Pembangunan secara "in advance" sebelum kelulusan tertakluk kepada pematuhan zoning RTD	Jumlah pembangunan baru:- - kediaman - industri - komersial	Jumlah unit baru melebihi 100% menjelang 2014
	Melaksanakan Skim Pembangunan Tanah Bersepakat		
	Menawarkan insentif dalam menarik pelabur tempatan dan luar untuk membuat pelaburan	Jumlah pelaburan baru	Pertambahan pelaburan baru pada tahap melebihi 100% menjelang 2014
	Meningkatkan kualiti infrastruktur asas di lokasi-lokasi pembangunan utama	Jumlah kilometer jalan/longkang dinaiktaraf / tahun  Keluasan liputan WIFI/tahun  Unit Lampu Jalan/tahun	Pertambahan kilometer jalan/longkang/ kawasan liputan WIFI/bilangan lampu jalan melebihi 100% menjelang 2014

➤ **OBJEKTIF STRATEGI 6** *(Sambungan)*

Mempergiatkan pembangunan Bandar dan desa serta pengukuhan sosio ekonomi secara holistik untuk kesejahteraan masyarakat.

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	TAHUN SASARAN
Merencanakan kegiatan sosio ekonomi penduduk tempatan	Mempermudahkan pengeluaran lesen-lesen perniagaan	Tempoh kelulusan – 24 jam  Lesen Sementara – 1 jam  Lesen Penjaja & Tred - 12 jam	Pertambahan jumlah kelulusan lesen sebanyak 80% menjelang 2012
Membentaras kemiskinan Bandar	Memberi bantuan saradiri bagi Ketua Isirumah di baeah takuk kemiskinan tegar  Mewujudkan peluang pekerjaan berstatus sambilan kepada anak-anak miskin tegar di Majlis Perbandaran Bentong	Jumlah miskin tegar / 6 bulan  Jumlah jawatan diisi/tahun	“Zero Urban Poverty” bagi Daerah Bentong menjelang 2012





## PETA STRATEGI

Peta Strategi (*Strategy Map*) memberi gambaran menyeluruh terhadap strategi-strategi yang akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat sebagaimana yang ditetapkan. Terdapat 19 bulatan (*bubble*) dalam peta strategi, dan tiap bulatan merupakan strategi yang perlu dilaksanakan bagi mencapai objektif strategik yang telah ditetapkan dalam tempoh masa pelaksanaan Pelan Strategik ini. Pencapaian strategi dan objektif strategik ini perlu diukur berdasarkan indikator yang telah ditetapkan.

Peta Strategi ini dibahagikan kepada empat (4) perspektif utama iaitu Perspektif Pelanggan, Perspektif Kewangan, Perspektif Proses Dalaman serta Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan.



## PETA STRATEGI MAJLIS DAERAH BEAUFORT 2009-2014

### PELANGGAN

**C1-**  
Mempertingkatkan  
Kemudahan Dan  
Infrastruktur Awam

**C2-**  
Membangunkan  
Masyarakat Yang  
Sihat Fizikal, Mental  
Dan Spritual

**C3-**  
Mempertingkatkan  
Agenda Perpaduan  
Masyarakat

**C4-**  
Memperkukuhkan  
Pengurusan Aset  
Dan Fasiliti Awam

**C5-**  
Memperkukuhkan  
Jalinan Dan  
Penyertaan Komuniti  
Dalam Aktiviti Dan  
Program PBT

### KEWANGAN

**F1-**  
Memantapkan Pengurusan  
Kewangan

**F2-**  
Memperkukuhkan  
Pembangunan Sosio  
Ekonomi

**F3-**  
Memantapkan Keupayaan  
Kutipan Hasil

### PROSES DALAMAN

**P1-**  
Memperkasakan  
Tadbir Urus

**P3-**  
Mempertingkatkan  
Keberkesanan  
Penguatkuasaan

**P4-**  
Memantapkan  
Sistem Dan  
Prosedur Kerja

**P5-**  
Mempertingkatkan  
Kecekapan  
Pentadbiran Tanah

**P6-**  
Memantapkan  
Hala Tuju  
Pembangunan  
Perbandaran

**P7-**  
Memperkasakan  
Pembangunan  
Perbandaran

### PEMBELAJARAN & PERTUMBUHAN

**L1-**  
Memantapkan  
Pembangunan  
Organisasi

**L2-**  
Menetapkan Hala  
Tuju Strategik  
Pengurusan  
Sumber Manusia

**L3-**  
Mewujudkan Persekitaran  
Kerja Yang Kondusif

**L4-**  
Mempertingkat  
Dan  
Memperkasa  
Imej Organisasi

**L5-**  
Memantapkan  
Jaringan  
Kerjasama Dengan  
Pihak-Pihak  
Berkepentingan

## **ELEMEN PENENTU KEJAYAAN**

- **PENGURUSAN ILMU (*KNOWLEDGE MANAGEMENT*)**

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management (KM) Majlis Daerah Beaufort*. Penggunaan optimum *KM* akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai objektif strategik Majlis Daerah Beaufort.

- **PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik. Pendekatan *mentor-mentee*, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja serta mengekalkan "*institutional memory*"

## MEKANISME PELAKSANAAN

Bagi memastikan setiap unit di Majlis Daerah Beaufort memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh 5 tahun ini, strategi dan pelan tindakan di dalam pelan ini akan dipantau dan dibuat kajian semula mengikut jadual perancangan seperti **Jadual 5**. Penilaian pencapaian Pelan Strategik ini akan dijalankan pada setiap dua tahun. Untuk menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan, satu kajian semula Pelan Strategik dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2012. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Majlis Daerah Beaufort.

**Jadual 5:  
Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian  
Pelan Strategik**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Tarikh Cadangan</b>
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap 6 bulan
2.	Penilaian Pencapaian	Setiap dua tahun
3.	Penilaian keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2012

Dalam pada itu, bagi memantapkan tadir urus dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini berjalan dengan berkesan, adalah dicadangkan satu jawatankuasa khas diwujudkan. Jawatankuasa ini akan dinamakan Jawatankuasa Transformasi Majlis Daerah Beaufort. Keahlian jawatankuasa adalah seperti di **Jadual 6** di bawah.

**Jadual 6:**  
**Jawatankuasa Transformasi Majlis Daerah Beaufort**

<b>JAWATAN</b>	<b>KEAHLIAN</b>
<b>Pengerusi Setiausaha Ahli-ahli</b>	Pegawai Daerah Pegawai Eksekutif Semua Ketua Bahagian

Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai penyelarasan utama di dalam pemantauan, penilaian dan kajian semula Pelan Strategik Majlis Daerah Beaufort berdasarkan kepada pengukuran dan pelan tindakan yang ditetapkan.

## ***THE WAY FORWARD***

Selepas perancangan strategik ini dilaksanakan yang berakhir pada tahun 2014, peranan Majlis Daerah Beaufort diharap akan lebih menyerlah dalam aspek pengurusan dan perkhidmatan perbandaran. Oleh kerana agenda pengurusan dan perkhidmatan perbandaran adalah agenda yang berterusan, maka perancangan strategik 5 tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Akan tetapi perancangan ini perlu diteruskan lagi bagi membangunkan dan memantapkan lagi transformasi pengurusan dan perkhidmatan Majlis Daerah Beaufort berdasarkan kepada keperluan semasa.

Selepas tahun 2014, Majlis Daerah Beaufort mempunyai gagasan dan berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:

- a. Menjadi agensi yang terunggul di Malaysia dalam pengurusan dan perkhidmatan perbandaran;
- b. Pengurusan dan perkhidmatan perbandaran yang cekap dan berkesan serta dijadikan penandaras dan pusat rujukan di peringkat nasional;
- c. Dapat menyediakan semua perkhidmatan teras dan sokongan secara *on-line*.

## **BAB IV: PENUTUP**

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap amat diperlukan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Ia juga bagi memenuhi tuntutan dan ekspektasi rakyat serta masyarakat perniagaan yang terus meningkat. Justeru, Pelan Strategik Majlis Daerah Beaufort telah mengariskan beberapa objektif strategik dan strategi serta tindakan/program yang perlu dilaksanakan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan indikator yang ditetapkan. Pelan strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.